

14/09/2002

`Lapor kepada Jawatankuasa Pengurusan, bukan polis'

BUKIT KAYU HITAM, Jumaat - Ahli Puteri Umno yang mempunyai maklumat berhubung penyalahgunaan harta dan tabung sayap baru itu digesa membuat laporan kepada Jawatan Pengurusan parti dan bukannya polis.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ahli Puteri wajar mengemukakan laporan kepada jawatankuasa itu kerana ia tidak memihak kepada mana-mana pihak.

Perdana Menteri yang menasihatkan semua ahli supaya menggunakan saluran parti untuk mengemukakan aduan, berkata jawatankuasa itu tetap akan membuat siasatan terhadap sebarang dakwaan.

"Puteri masih baru, mungkin ahlinya tidak faham dengan cara parti mengendalikannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan kilang Asia Composites Manufacturing Sdn Bhd (ACM) yang mengeluarkan bahan komposit untuk pembinaan kapal terbang Boeing.

Projek itu adalah usaha sama Boeing Co, Hexcel Corporation dari Amerika Syarikat dan dua syarikat tempatan, Sime Darby Berhad dan Naluri Berhad.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai tindakan beberapa ahli Puteri Umno yang membuat laporan polis terhadap ketua penaja sayap baru parti itu, Azalina Othman Said.

Rabu lalu, seorang ahli Puteri Umno, Zalilah @ Elly Yusof membuat laporan polis di Balai Brickfields mengenai dakwaan penyalahgunaan harta dan tabung sayap itu.

Elly juga mendakwa beberapa ahli lain akan membuat laporan polis berhubung penyalahgunaan lain.

Puteri Umno mula sedikit bergolak menjelang pemilihan jawatankuasa baru, November ini yang setakat ini menyaksikan Azalina bakal ditentang dua pencabar, Mastina Abdul Hamid dan Raihan Suleiman Palestin.

Dr Mahathir turut menjelaskan parti tetap dengan pendirian mana-mana ahli boleh bertanding merebut jawatan dalam Puteri selain mengekal peraturan seseorang tidak boleh menjadi ahli dalam Puteri dan Wanita Umno.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Akta Pilihan Raya perlu dikaji semula kerana ada kelemahan sehingga menyaksikan pengundi yang pernah mengundi pada 1990, tidak dibenarkan mengundi pada 1995 atau 1999, selain perpindahan pengundi yang berleluasa oleh pihak pembangkang.

"Kita tidak sedar bagaimana hebatnya tindakan Pas itu sehinggalah di pilihan raya kecil Anak Bukit yang mana mereka memindahkan 2,000 penyokong mereka dari Kubang Pasu.

"Ini tidak betul kerana pilihan raya adalah untuk penduduk tempatan memilih wakil mereka, bukannya orang luar yang tidak tahu masalah mereka bagi menentukan wakil," katanya.

Mengenai tindakan pengurusan Technology Resources Industries (TRI) Bhd membuat laporan polis mengenai pemalsuan invois perkhidmatan membabitkan RM259.3 juta yang dibuat pada 1998 dan 1999, Dr Mahathir berkata mereka mempunyai hak meneliti segala salah laku dalam syarikat yang dimiliki.

"Ia adalah tugas pengurusan dan lembaga pengarah TRI untuk meneliti dan membuat laporan jika wujudnya perbuatan yang dirasakan tidak betul," katanya yang menjelaskan ia bergantung kepada polis mengenai tempoh melakukan siasatan.